



WAKTU SOLAT

DAERAH	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/PUTRAJAYA	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Petaling/Shah Alam	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Gombak	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Hulu Selangor	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Hulu Langat	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Sepang	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Rawang	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Sabak Bernam	6.12	1.32	4.53	7.31	8.42
Klang	6.12	1.32	4.53	7.31	8.42
Kuala Langat	6.12	1.32	4.53	7.31	8.42
N SEMBILAN	6.07	1.28	4.49	7.28	8.39
MELAKA	6.06	1.28	4.48	7.27	8.39



Dapatkan SMS waktu solat setiap hari!

Taip ON HMSS-jarak>>DAERAH>> dan kirim ke 33333 Contoh: ON HMSS SHAH ALAM

* RM0.30/msj. Untuk henti, taip STOP HMSS dan kirim ke 33333. Perkhidmatan Pelanggan: 03-7603 4222 (Isnin-Jumaat, 9 pagi - 5 petang)

PALING POPULAR



www.hmetro.com.my

- 'Jangan putus doa ya abang'
- Majikan paling pemurah
- Ibu tunggal tabah sara lima anak
- 'Kami tak kenal pun'
- Saya tak faham... [METROTV]

VIDEO TERBARU



www.hmetro.com.my/mymetrotv



Rangkaian diperluaskan untuk DFKL

Metro@7 - Pembersihan faham petunjuk utama



harianmetro



hmetro



hmetro



hmto.com/myHMlive



hmetro

3 KENDERAAN JPJ HANGUS

Api lunas dendam

▪ Pagar di tepi kawasan parkir miliki kesan dipotong seseorang



TIMBALAN Ketua Pengarah (Pengurusan) JPJ Zamakhsari Hanjiah meninjau kenderaan JPJ yang dibakar, semalam.

Kami percaya kebakaran ini bukan kebakaran biasa
Ahmad Termizi Abd Haq



Untuk video lazmi
www.hmetro.com.my/mymetrotv



PAGAR bahagian kawasan parkir JPJ Tembang Lori, Kuala Kangsar yang ada kesan potongan.



Mohd Hafzee Mohd Arop dan Muhammad Zulysyami Sufian Suri
news@nstp.com.my

Kuala Kangsar

Ketidakpuasan hati berhubung tindakan penguatkuasaan dijalankan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dipercayai punca lima kenderaan termasuk tiga kenderaan jabatan itu yang diparkir di Stesen Penguatkuasaan JPJ Tembang Lori di sini, dibakar.

Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar Asisten Komisiner Ahmad Termizi Abd Haq berkata, siasatan mendapati berlaku perselisihan faham membabitkan beberapa individu yang dikenali tindakan oleh anggota JPJ sebelum ini.

Menurutnya, perselisihan faham itu menjadi petunjuk utama selepas siasatan di lokasi kejadian menemui pagar yang dipotong dipercayai dilakukan lebih seorang individu.

"Polis percaya kebakaran ini bukan kebakaran biasa dan ia dipercayai angka khianat selepas kami menemui kesan pagar dipotong di bahagian tepi kawasan pejabat.

"Polis mengklasifikasikan kes mengikut Seksyen 436 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api dan perselisihan faham sebelum ini menjadi petunjuk utama siasatan," katanya semalam.

Ahmad Termizi berkata, kawasan pejabat JPJ itu dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) dan rakaman diambil untuk siasatan lanjut. Menurutnya, ada seorang pengawal di pintu pagar utama jabatan itu ketika kejadian manakala lokasi insiden adalah di bahagian tepi sebelah kiri.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak Sayani Saidon berkata, pihaknya turut meminta bantuan Unit Pengesanan (K9) Bomba dan Klang, Selangor dan setakat ini siasatan di tempat kejadian belum menemui bahan bukti.

Kenderaan orang awam turut hangus

Kuala Kangsar: Lima kenderaan, tiga milik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan dua kepunyaan orang awam yang diletakkan di kawasan parkir JPJ Tembang Lori di sini, musnah terbakar awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 2.30 pagi itu, tiga kenderaan JPJ terbabat adalah dua Toyota Fortuner dan satu Ford Ranger manakala dua kenderaan awam model Volvo Jurucapak Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak berkata, pihaknya menerima panggilan jam 2.36 pagi sebelum sepasukan pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Kangsar bergegas ke lokasi kejadian.

"Api dipadamkan sepenuhnya dan anggota mendapati ketiga-tiga kenderaan JPJ musnah 90 peratus manakala dua kenderaan awam musnah 70 peratus. Siasatan bagi mengetahui punca kejadian masih dijalankan," katanya.